

Rampas alat senjata api dibeli guna kurier

Bintulu: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya merampas lima unit peralatan senjata daripada seorang lelaki tempatan yang dipercayai dibelinya dari luar negara melalui khidmat penghantaran kurier di rumahnya di Jalan Sebiew di sini, 10 Mac lalu.

Pengarah Kastam Sarawak Mohd Nadzri Ariffin dalam kenyataannya semalam berkata, hasil maklumat serta risikan dijalankan, sepasukan anggota penguatkuasaan JKDM Bintulu dan Kuching menahan lelaki ter-

babit pada jam 10.20 pagi.

“Semasa tangkapan dilakukan, lelaki berkenaan sudah menuntut bungkusan disyaki mengandungi peralatan senjata yang dihantar dari luar negara,” katanya.

Menurutnya, hasil pemeriksaan lanjut membawa kepada penemuan lima unit peralatan senjata berupa dua unit *Hatsan Airtact Synthetic Stock*, seunit *BSA Contender Rifle Scope Hunting Optics Sight*, se-

unit *Airsoft High Pressure Indicator Ds Tm* dan seunit *Scope Extend Mount (ohhunt)*.

Katanya, semua komponen senjata dirampas itu bernilai RM5,125.43.

“Siasatan awal mendapati modus operandi digunakan bagi membekalkan peralatan senjata ini dan mengelak dihidu pihak penguatkuasaan ialah mengimport senjata dari luar negara menggunakan perkhidmatan kurier

tanpa pengikraran serta permit yang sah,” katanya.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967 yang memperuntukan denda tidak kurang daripada 10 kali ganda jumlah duti kastam atau RM100,000 mengikut mana-mana jumlah lebih besar dan tidak melebihi 20 kali ganda nilai jumlah duti kastam atau RM500,000 mengikut mana-mana jumlah yang lebih besar ataupun penjara tidak kurang dari 6 bulan dan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Suspek import senjata dari luar negara tanpa pengikraran serta permit yang sah



PERALATAN senjata api yang dirampas JKDM daripada suspek.